



Penggantian injap 1,200mm siap, harap fasa pemulihan lancar – Kon Yeow

BULETIN MUTIARA

Admin
January 10, 2024



SUNGAI DUA – Tepat jam 3 petang tadi, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa kerja-kerja penggantian injap pertama bersaiz 1,200 milimeter (mm) di dalam perkarangan Loji Rawatan Air (LRA) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dekat Sungai Dua telah siap dijalankan.

"Bagi kerja-kerja penggantian injap kedua bersaiz sama berhampiran pagar LRA Sungai Dua, ia telah mencapai 95 peratus dan dijangka siap sepenuhnya petang ini juga.

"Dalam tempoh ini, sebanyak 22 kerja-kerja lain turut dijalankan dan kita menjangkakan ia akan siap mengikut jadual yang telah dikeluarkan sebelum ini.

"(Di sini), kita boleh nampak injap yang diganti sebenarnya dipasang sejak tahun 1973 buatan negara Perancis dan telah berkhidmat lebih daripada 50 tahun kepada pengguna air dan sudah bocor," ujarnya ketika meninjau kerja-kerja penggantian injap berkaitan di LRA Sungai Dua dekat sini sebentar tadi.



LIKE OUR FACEBOOK PAGE



OTHER NEWS



Selamat menialankan tugas Baok Wanto



OTHER NEWS



Selamat menjalankan tugas Bapak Wanton Sai Ketua Menteri

© January 15, 2024



2024甲辰年檳城商會美
长：传承文化 探索我们



Kerajaan Negeri teruskan
perancangan serta pelan-
tindakan sistem penyampir



Pemulihan bekalan air cap
peratus – Zairil



北越河内水警署影
区 首长：明早至中午托
至最低



首长巡视双溪樟及浮
选区 居民赞州政府高水
水供



Hadir sama, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Lau Keng Ee; Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. K. Pathmanathan dan kakitangan-kakitangan teknikal PBAPP terlibat.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Pengerusi PBAPP menjangkakan proses kedua iaitu mengepam air ke LRA melalui dua punca juga akan dapat dijalankan pada petang ini.



"Ia masih skop hari pertama, kita sudah habiskan proses pertukaran injap, diikuti masuknya air dari Sungai Muda dan Empangan Mengkuang supaya proses rawatan (air) boleh dimulakan sekiranya semua keadaan adalah baik.

"Seterusnya, jurutera-jurutera (PBAPP) akan meneruskan proses rawatan agar air dapat disalurkan mengikut jadual ditetapkan.

"Sekiranya kita boleh capai kerja ini dengan lebih baik, maka pengguna akan mendapat bekalan air pada tempoh lebih awal," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Mengikut jadual, difahamkan sebanyak 33 peratus pengguna akan menerima bekalan air bermula 24 sehingga 48 jam, seterusnya, 84 peratus pengguna akan menerima bekalan dalam tempoh 72 hingga 96 jam; selebihnya, 99.5 peratus bagi tempoh 96 jam, manakala bagi baki 0.5 peratus meliputi penghujung sambungan paip serta tempat tinggi adalah melebihi tempoh 96 jam.

Kon Yeow berkata, dalam fasa pemulihan, pergerakan lori-lori tangki akan disusun mengikut kawasan, apabila (kawasan) sudah pulih maka, lori di kawasan terbabit akan dikerah ke kawasan yang belum memperoleh bekalan kerana kita tidak mahu pengguna tunggu terlalu lama.

"Walaupun kerja-kerja ini siap dan mengikut pelan dirancang, namun ia hanya boleh dikatakan sempurna apabila semua pengguna air memperoleh bekalan air semula," ulasnya.

Kon Yeow dalam pada itu turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua petugas dan kakitangan yang bertungkus-lumus menyiapkan pembaikan berkaitan dan turut menyeru rakyat berdoa agar pemulihan dapat dilaksanakan dengan cepat.

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

Video : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

OTHER NEWS



Selamat menjalankan tugas Bapak Wanton Saragih – Ketua Menteri
January 15, 2024



2024甲辰年镇城庙会花灯 首
长：传承文化 探索我们的故事



Kerajaan Negeri teruskan
perancangan serta pelan-pelan
tindakan sistem penyampaian air



Pemulihan bekalan air capai 90
peratus – Zairil



北越河河底水管爆裂影响西南
区首长：明早至中午把影响减
至最低




首长巡视双溪樟脚及浮罗池清
远区 居民赞州政府高效率恢复
水供

LIKE OUR FACEBOOK



OTHER NEWS



Selamat menjalankan tugas E
Ketua Menteri
January 15, 2024



2024甲
辰年
镇城
庙会
花灯
首
长：传
承



Kerajaan
peranc
tindan



Pemulih
peratus



北越河
区首长
至最低



首长巡
远区
水供